

15/02/2001

Polemik pembelajaran sastera berterusan

Hasan Baseri Budiman

ISU pemilihan teks sastera untuk bacaan pelajar yang menimbulkan polemik besar di kalangan orang sastera pada tahun lalu, sudah lama lenyap walaupun riak itu digegarkan sedikit oleh tulisan Ruziah Mohamad Kurik, meenrusi Sastera dan Budaya (Berita Harian 24 Januari lalu) tetapi ia tidak memberikan kesan besar terhadap apa yang berlaku.

Walaupun ada penulis sukar melupakan detik pahit itu, namun faedah jika isu pemilihan itu dibangkitkan semula, sedangkan pelajar mula dipaksa membaca teks yang didakwa menyimpang pemilihannya itu, hampir setahun lamanya.

Apa pun, perbezaan pendapat ditinggalkan sastera, yang sekadar mahu mempertahankan satu slot kecil membabitkan kemahiran membaca bahan bacaan sastera sebagai komponen menumpang dalam subjek Bahasa Melayu itu, yang mereka sendiri tidak faham kedudukannya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kini mula meninggalkan impak kepada guru dan pelajar yang terpaksa memecahkan segala kebuntuan berkaitan isi pengajaran secara bersendirian.

Masih ramai barangkali yang belum menyedarinya, sebelum ini pun sedia wujud unsur sastera dalam Bahasa Melayu yang sekadar menjadi bahan bacaan meluas kepada pelajar dengan mengambil satu waktu pengajaran Bahasa Melayu daripada enam waktu diperuntukkan. Semua ini dibuat sekadar memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai sastera yang memang ada kaitan rapat dengan Bahasa Melayu.

Hari ini kewujudan komponen sastera yang difikirkan orang sastera sebagai kemenangan perjuangan mereka kerana berjaya meletakkan sastera sebagai bahan yang harus dipelajari pelajar, sebenarnya bukanlah perkara mudah untuk ditelan guru yang mengajarnya.

Begitu juga dengan pelajar, yang selama ini memikirkan komponen sastera sebagai unsur tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Kebanyakan guru Bahasa Melayu terpinga-pinga apabila selonggok bahan bacaan sastera dilemparkan ke dalam pagar sekolah minta diselesaikan pembacaannya dalam tempoh tertentu, sedangkan pada masa sama mereka terpaksa bekerja keras untuk memastikan pelajar dapat membuat karangan, rumusan dan memahami ilmu tatabahasa.

Guru tidak takut berdepan dengan komponen sastera, walaupun ramai yang tiada asas sastera ketika di universiti atau maktab. Namun, bahang bebanan yang terpaksa ditanggung akibat bahana yang ditinggalkan hasil perancangan ad-hoc yang tiada kesudahan itulah yang menggerunkan mereka.

Guru Bahasa Melayu manakah yang tidak bimbang kalau hingga saat ini, sudah setahun lebih komponen sastera dikuatkuasakan penggunaannya di sekolah, tetapi bentuk, kaedah dan pedagogi berkaitan pengajaran komponen sastera itu yang sepatutnya mereka sampaikan secara lancar kepada pelajar, masih tiada ketetapan jitu yang boleh dipegang untuk memudahkan tugas mereka. Segalanya bagai fatamorgana terawang-awang yang cuma dapat dilihat dalam angan-angan.

Lebih memeningkan, jika 10 pakar diundang bercakap mengenai komponen sastera kepada guru Bahasa Melayu pada akhir ceramah guru mendapat 10 versi berbeza mengenai kaedah pengajaran dan kehendak peperiksaan yang mesti mereka ikut tetapi satu pun tidak boleh mereka pegang sebagai induk yang wajar dipatuhi.

Bukankah ini kerja memeningkan yang tidak ada orang sastera pernah memikirkannya selepas mereka melambakkan bahan bacaan ke dalam bilik

darjah untuk diselesaikan kerjanya oleh guru?

Untuk pengetahuan semua, permulaan sistem pendidikan ialah pengajaran dan akhirnya ialah menguji, yakni peperiksaan.

Oleh kerana komponen sastera berbeza daripada unsur sastera dari segi penilaian pemahamannya, tentu sesuatu maklumat lebih terperinci diperlukan guru Bahasa Melayu, bagi memastikan mereka tidak gagal dalam memastikan pelajar menjawab soalan peperiksaan dengan tepat dan sempurna.

Namun, mampukah mereka berbuat begitu jika sampai saat ini pun, guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat dan Lima yang akan membawa pelajar berdepan dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini, masih terpinga-pinga dengan bentuk soalan Bahasa Melayu format baru yang terkandung di dalamnya soalan berkaitan komponen sastera, yang akan menjadi kayu pengukur keberkesanan pengajaran mereka selama ini?

Setahun berlalu, mereka masih mencuba format soalan berdasarkan pemahaman masing-masing yang tidak pula diketahui sama ada memenuhi piawaian Lembaga Peperiksaan atau tidak. Hal ini akhirnya menyebabkan mereka kecewa dengan kewujudan komponen sastera dalam subjek Bahasa Melayu.

Wajarkah guru Bahasa Melayu terus dibiarkan membina soalan latihan berkaitan komponen sastera berdasarkan agakan rambang, sedangkan bahan bacaan dalam komponen sastera terlalu banyak bilangannya.

Sejak mula tercetusnya polemik pemilihan teks bacaan komponen sastera itu dulu lagi, guru Bahasa Melayu sudah berasakan bahangnya, yang lebih panas daripada bahang yang menimpa orang sastera ketika itu.

Apa tidaknya, sudahlah bilangan teks yang harus diselesaikan setahun terlalu banyak, dengan cuma dua waktu pengajaran diperuntukkan kepadanya satu minggu, malah ada bahan teks itu terlalu abstrak isinya yang memang susah untuk difahami pelajar yang baru mahu berjinak dengan teks sastera.

Bayangkanlah bagaimana pelajar Tingkatan Empat dan Lima dapat menghadapi kertas Bahasa Melayu SPM tahun ini kalau dia terpaksa berdepan dengan dua novel tebal, 12 cerpen, enam drama, 12 buah puisi moden, lapan prosa tradisional dan 12 puisi tradisional, seandainya sampai saat ini pun mereka tidak tahu bagaimana bentuk soalan yang akan datang menguji mereka.

Saya juga masih terpinga-pinga memikirkan bentuk soalan berkaitan sastera yang akan ditanya, rasanya tentu tidak adil kerana unsur sastera dalam Bahasa Melayu bukan pilihan.

Lagipun dengan cuma dua waktu diperuntukkan untuk mempelajari semua bahan itu, tentu tidak munasabah untuk dilaksanakan guru Bahasa Melayu yang terpaksa menanggung beban memeriksa latihan karangan dan rumusan setiap minggu.

Pertambahan beban itu seharusnya disedari semua pihak dan harus pula difikirkan cara mengurangkan bebanan itu terutama selepas kemasukan komponen sastera dengan versi baru yang menggantikan unsur sastera yang selama ini menjadi bahan bacaan tambahan pelajar.

Pada saya, teks sastera sebagai komponen wajib yang sekadar mahu diletakkan sebagai penumpang yang meminjam dua waktu daripada enam waktu pengajaran Bahasa Melayu, tidak boleh dipastikan sejauh mana berkesannya kalau tidak dirancang dengan teliti. Pelajar dan guru harus diberikan ruang luas untuk menikmati bahan bacaan itu, bukan secara memaksa mereka bekerja keras untuk menjawab soalan peperiksaan. Hasil sastera sepatutnya dinikmati nilai estetikanya, bukan dicurah untuk dihafal dan diatur strategi untuk lulus periksa saja.

Kita amat berbangga kerana buku sastera diberikan hak untuk dibaca semua pelajar sebagai bahan bacaan wajib, tetapi bolehkah dipastikan mereka berjaya menikmati segala kebaikan isi sastera itu?

Sepatutnya isi teks sastera tidak cuma dinikmati sebagai penumpang kepada subjek lain kerana dalam pengisian kurikulum sekolah, kesusasteraan sudah

ada slotnya yang boleh berdiri sendiri.

Yang menghairankan ialah kenapa tidak dijadikan sastera sebagai subjek teras yang wajib diambil oleh pelajar sama seperti subjek sejarah, Bahasa Inggeris dan Moral? Bukankah dalam subjek Sastera ada unsur pembentukan jiwa dan moral manusia sama seperti subjek Moral dan Sejarah?

Kedudukan subjek Sastera yang semakin sedikit pelajar mengambilnya perlu diselamatkan, kalau jati diri nasional mahu terus dipelihara. Bangsa lain di dunia berebut-rebut mempertahankan bahasa, sastera dan budaya yang menjadi lambang jati diri nasionalnya, tetapi kita lambat membuat perkiraannya, sehingga subjek Sastera mungkin boleh pupus pada bila-bila masa saja.

Tidakkah ini lebih penting nilainya? Tetapi siapa yang mahu bercakap mengenainya? Siapakah yang mahu berjuang mengangkat status sastera menjadi subjek teras yang patut dipelajari semua pelajar?

Agenda itu yang mesti dikedepan, dibahas dan digembar-gemburkan, bukannya menjerit memberitahu orang itu tidak adil memilih teks, orang ini tidak layak menjadi ahli panel, orang itu tidak patut, orang ini tidak pandai, orang itu tidak berwibawa dan entah apa-apa lagi yang sudah tidak relevan dengan perjuangan sastera.

Sudah sampai masanya orang sastera bangun menggegarkan persada pendidikan supaya membariskan subjek Sastera Melayu sebaris dengan subjek Bahasa Melayu yang menjadi teras pembelajaran dalam sistem pendidikan dari darjah satu sampai ke peringkat universiti.

Kalau Sejarah boleh dijadikan mata pelajaran teras kerana mahu menanamkan rasa kecintaan pelajar kepada negara, kenapa sastera yang boleh menjadi subjek pembentuk nilai dan sahsiah pelajar tidak dipilih menjadi mata pelajaran teras?

Cubalah orang sastera fikirkan agenda utama yang besar ini supaya sastera boleh membina jati dirinya yang lebih kental kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Sama ada kita menyedarinya atau tidak, kesilapan yang sering dilakukan orang sastera dalam mempromosi kepentingan sastera sebagai wahana pembangunan sahsiah adalah kerap meyakinkan orang yang sudah meminati bidang sastera, mengenai kebaikan yang ada dalam dunia kesusasteraan.

Sedangkan, kebaikan itu sepatutnya menjadi milik seluruh sarwajagat. Jarang kita sebut kepada masyarakat umum yang sudah sekian lama menjauhkan diri daripada lingkungan kesusasteraan.

Kelompok yang sering menganggap sastera sebagai bidang yang tidak serius pegangannya, tidak menokokkan keintelektualan, tidak mengandungi unsur rasional, tidak pragmatik dan tidak utilitarian, yang dengan begitu berani pula menganggap sastera tidak layak digolongkan sebagai bidang yang boleh menjadi penjana ilmu pengetahuan, sepatutnya dijadikan sasaran untuk diberi penerangan, dan diserang dengan lebih bersungguh-sungguh supaya mereka tahu kepentingan sastera dalam pembinaan manusia intelek yang seimbang, matang, prihatin dan beretika tinggi.

Dayuskah kita agaknya, kerana kegagalan menghebahkan kehebatan sumbangan sastera yang boleh menjadi pengasuh etnik dan pelentur nilai mulia manusia ini? Tidakkah kita rasa bersalah sering dihantui kelambatan menonjolkan keupayaan sastera sebagai pembentuk manusia bersemangat dalam menghadapi cabaran hidup, sehingga menjadikan dunia sastera payah untuk meyakini kemampuannya sebenar.

Jenguklah ke mana saja ruang yang ada tertulis sastera di dalamnya, kita tentu bertemu dengan pelbagai bunyi keluh pemiliknya, kita berdepan dengan pelbagai kekecewaan penggiatnya dan kita dapat lihat pelbagai bentuk kehampaan pencintanya.

Semuanya kerana mereka sedia menyedari, sastera yang mereka sayangi itu terlalu dipinggirkan, baik dalam lingkungan pendidikan atau dalam

perebutan pasaran pekerjaan mutakhir ini, yang ternyata lebih memenangkan nilai profesionalisme dan teknokrat, yang lahir daripada kegilaan masyarakat kita terhadap nilai komersial.

Lantas, nilai sastera sebagai komponen keseluruhan ungkapan kehidupan, terus dikebelakangkan sehingga masyarakat terlupa segala sumbangan sastera dalam segala disiplin hidup manusia seluruhnya.

Keterlupaan itu terus membelakangkan gagasan yang terkandung dalam Wawasan 2020, seperti disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: "Malaysia tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju daripada segala segi: dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan keseluruhannya ..."

Semua menyedarinya, matlamat Perdana Menteri itu untuk melahirkan generasi Malaysia yang bersifat seimbang antara minda saintifik dengan jiwa holistik, yang punya ketahanan diri tinggi dalam menghadapi cabaran hidup yang lebih bergelombang pada alaf baru.

Tetapi soalnya sekarang, mampukah kita terus mempertahankan konsep sastera sebagai pembina moral, dan pengasuh etnik yang mulia seperti yang dibicarakan oleh Plato dan Aristotle lebih 3000 tahun dulu?

(END)